



# Jom! Cilik Pertanian

Program sehari itu galak kanak-kanak pelajari ilmu pertanian

**B**agi menggalakkan kanak-kanak celik tentang bidang pertanian, program Jom! Cilik Pertanian telah diadakan di University Community Transformation Centre (UCTC) Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Program sehari itu disertai 30 kanak-kanak berumur di antara lima ke 12 tahun.

Pengarah UCTC, UPM, Prof Madya Dr Mansor Abu Talib berkata, program itu menggalakkan kanak-kanak sekali gus merangsang minat mereka terhadap ilmu pertanian melalui pelbagai aktiviti amali dijalankan.

Antara aktiviti dijalankan termasuklah semeian biji benih tanaman, kaedah pengkomposan baja menggunakan bahan sisa makanan, penanaman secara kaedah botol gantung menggunakan botol plastik terpakai, hidroponik ringkas, penyediaan alat penghalau dan perangkap nyamuk, teknik mencanting dan mewarna batik



Peserta yang menyertai Program Jom! Cilik Pertanian diadakan di UCTC Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

berkonsepkan flora dan fauna.

"Peserta akan lebih mengetahui teknik dan pengecaman biji benih secara lebih dekat. Selain itu aktiviti dijalankan berupaya mencungkil bakat kanak-kanak dan

**Info**  
Program itu disertai 30 kanak-kanak berumur di antara lima ke 12 tahun dan kesemua aktiviti dikendalikan Pegawai Pertanian dari UCTC, UPM

menjadikan mereka lebih fokus.

"Kesemua aktiviti dikendalikan Pegawai Pertanian dari UCTC, UPM sendiri. Kanak-kanak turut dibawa ke Laman Pertanian Bandaran Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia dan juga Seksyen Ekuin dan Pastura Taman Pertanian Universiti UPM bagi mencungkil minat kanak-kanak di dalam dunia pertanian," katanya.

Beliau berkata, kanak-kanak berpeluang memberi makan kepada kuda dan mengenali



Kanak-kanak berpeluang memberi makan kuda.



Kanak-kanak khusyuk melakukan aktiviti pertanian.

haiwan tersebut dengan lebih dekat.

"UCTC sememangnya akan terus melaksanakan program sebegini bagi menggalakkan pelbagai lapisan umur agar celik pertanian dan menyemai minat terhadap pertanian sejak dari awal lagi.

"Aktiviti ini juga mampu mendekatkan warga UPM dan mengeratkan silaturahmi bersama komuniti khususnya," katanya.

Tambahnya, berbekal kepada

kepakaran sedia ada, program ini akan mampu dilaksanakan dengan jayanya pada masa akan datang.

"Program ini turut mendapat kerjasama Taman Pertanian Universiti dan Fakulti Pertanian serta ibu bapa dan semua yang terlibat secara langsung dalam menjayakan program ini.

"Ia bakal dijadikan program tahunan dan akan menemui kanak-kanak pada musim cuti sekolah yang akan datang," katanya.



Peserta melakukan penanaman secara kaedah botol gantung menggunakan botol plastik terpakai.